

Hari Keluarga SST

Artikel oleh: Dr. Harry Chong Lye Hin

Bertemakan Setia Bersama, Hari Keluarga SST 2012 telah berlangsung di Taman Lagun Nexus Karambunai pada 8 Disember. Acara tahunan ini dirasmikan oleh Prof. Madya Dr Baba Musta, Dekan SST. Hari Keluarga SST 2012 dibuka dengan acara senamrobik. Tanpa mengira umur dan kedudukan, pelbagai acara telah dilaksanakan dengan jayanya. Untuk kanak-kanak, acara seperti kerusi muzik, mencari gula-gula, memakan ais krim laju dan sukaneka telah memeriahkan suasana. Bagi staf pula, acara bertunjangan semangat pasukan selaras dengan tema Setia Bersama telah dijalankan. Antaranya, berjalan ramai-ramai atas kasut papan, bola sepak berkain sarung dan mengumpul barang-barang mengikut senarai yang telah ditetapkan. Pelbagai hadiah juga telah dimenangi oleh warga SST semasa majlis penutupan.

